

28/03/1997

Gabungan tenaga kunci kekuatan Asia

PERSEDIAAN menghadapi alaf baru yang diramalkan penuh dengan cabaran politik dan ekonomi, menjadi tuntutan setiap negara. Setiap negara perlu diingatkan mereka mungkin terperangkap dalam senario yang tidak diramalkan, jika terus beranggapan bahawa tidak ada percaturan dan orde baru dunia yang akan menyusul. Pada kita, selagi geografi politik dan ekonomi dunia yang ditentukan oleh Eropah tidak dirombak, negara membangun dan miskin akan terus ditekan. Namun, tidak bermakna negara berkenaan harus mengalah kerana ada mekanisme yang boleh dimainkan untuk mematahkan manipulasi kuasa Eropah.

Bagi rantau Asia, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyanan agar mereka menyuarakan pendiriannya, bukan lagi hanya menurut pendapat Eropah. Imej negara Asia sebagai mengikut telunjuk harus dikikis. Kita perlu akui hari ini bahawa dalam sesetengah bidang, ada negara Asia yang lebih mampu daripada negara Barat. Walaupun kita mempunyai segala kekuatan, kita juga perlu akui kelemahan, mungkin disebabkan sikap kita yang diwarisi turun-temurun.

Secara terbuka, Dr Mahathir menegaskan negara Asia yang sedang muncul sehingga kini tidak dapat berbuat sesuatu secara berkesan mengenai hal ehwal ekonomi dan politik masing-masing, apatah lagi di peringkat dunia, dalam keadaan mereka yang berpecah dan tidak selaras. Perpecahan adalah satu perkara yang serius yang perlu diperbetulkan segera jika kita mahu mengubah keadaan. Semua ini berlaku kerana setiap negara terlalu ghairah membangunkan negara masing-masing hingga lupa tanggungjawab terhadap negara lain yang berada di sekelilingnya. Kita mungkin maju tetapi disebabkan negara jiran kita masih miskin, seluruh rantau Asia dilihat sebagai tidak selaras.

Kita akui setiap negara perlu membangun dan menggunakan sumbernya untuk memajukan rakyat kerana ia adalah tuntutan kerajaan masing-masing. Namun, kita melihat kemajuan fizikal saja tidak bermakna selagi negara Asia tidak mempunyai kuasa untuk menentukan masa depannya sendiri. Kuasa Asia bukan lahir daripada sebuah negara. Tidak ada satu negara Asia yang benar-benar dapat mempengaruhi dunia, meskipun Jepun atau China. Walaupun kedua-dua kuasa Asia itu mempunyai peranan yang boleh dimainkan, namun pandangan atau kritikan mereka tidak akan meninggalkan kesan jika negara Asia lain tidak memberi sokongan. Oleh itu, kita yakin kekuatan Asia sebenarnya bergantung kepada gabungan tenaga di kalangan semua negara di dalamnya. Selagi setiap negara di Asia hanya memikirkan masa depan negaranya, matlamat untuk menjadi Asia sebagai satu kuasa yang disegani dunia, tidak akan menjadi kenyataan. Kuasa di Eropah akan terus menguasai pemikiran di Asia.

Dilihat daripada mata kasar, memang kita tidak nampak sebarang pertikaian nyata di kalangan negara di Asia, namun bukanlah sesuatu yang boleh kita sembunyikan bahawa masih wujud sikap prejudis sesama negara Asia. Ada negara yang takut kepada bayang-bayang sendiri dan cuba meremehkan kemampuan negara lain. Ada negara yang ingin menguasai pasaran sesuatu komoditi tanpa memikirkan negara lain juga bergantung kepada pemasaran komoditi yang sama. Malah, ada negara yang menolak pendapat negara lain walaupun cadangan itu baik tetapi kerana ego, segala urusan yang praktikal terpaksa dilewatkan. Jika keadaan ini berterusan, kita tidak nampak Asia boleh berdiri sama tinggi dengan kuasa besar Eropah. Kita pernah menyaksikan beberapa gagasan Malaysia disambut dingin oleh

negara di Asia, kononnya kerana menganggap Malaysia cuba menonjolkan diri sebagai jurucakap bagi Asia atau Dunia Ketiga. Kita menolak gagasan Dunia Ketiga yang ditonjolkan oleh Eropah kerana ia meletakkan imej kita pada tahap rendah. Ketika mereka membesarkan imej negara mereka sebagai negara perindustrian Dunia Pertama, negara di sebelah sini diremehkan dengan andaian di rantau ini penuh dengan pertikaian dan mengamalkan ideologi sempit. Mereka tidak pernah menilai agenda buruk yang mereka cipta untuk melemahkan negara Asia.

Kita berharap semua negara di Asia memikirkan cara mana mereka dapat menjadi satu kuasa yang boleh menggugat kuasa besar. Mereka mesti mempunyai kuasa tawar-menawar yang tinggi. Sikap terlalu takut kepada tekanan Eropah perlu dikikis kerana ketika menghadapi saat susah, negara sekelilinglah yang akan membantu mereka. Negara Asia perlu membantu dan melihat pasaran sesama sendiri terlebih dulu sebelum membenarkan kuasa Eropah meletakkan tangan ganas mereka ke atas kita.

(END)